

# Pemuda tetap tidak benarkan Anwar masuk UMNO

KUALA LUMPUR 14 Nov. - Ketua Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein menegaskan, pergerakan itu tidak akan membenarkan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyertai semula UMNO.

"Kita dalam Pemuda, tiga tahun dahulu, telah membuat pendirian bahawa sesungguhnya, mohon macam mana mohonlah, kita tidak akan benarkan beliau masuk parti UMNO sekali lagi. Sekali gus kita beritahu tak payah gambar-gembar lagi, tak payah spekulasi lagi, tak payah kite rasa-rasakan lagi," tegasnya.

Hishammuddin menyatakan pendirian pergerakan itu mengenai kemungki-

nan Anwar menyertai UMNO ketika membuat ucapan penggulungan pada Perhimpunan Agung Pemuda UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Kenyataan itu disambut tepukan gemuruh lebih 700 perwakilan Pemuda.

Anwar, 59, dipecat daripada UMNO pada 1998 atas dakwaan salah laku. Desakan supaya Anwar dihalang daripada menyertai UMNO ditimbulkan oleh beberapa perwakilan Pemuda hari ini.

Menteri Pelajaran itu menjelaskan, Pemuda UMNO mempunyai banyak lagi agenda yang perlu dilaksanakan bagi membangunkan bangsa Melayu dan

pergerakan itu tidak mahu usaha tersebut diganggu-gugat.

Tegasnya, Pemuda UMNO perlu berfikir ke hadapan dan tidak menoleh ke belakang. Katanya, beliau tidak mahu melihat keadaan "ribut dalam cawan atau kocak dalam botol."

"Ini kerana, apa yang ada terpampang depan mata kita merupakan satu agenda yang dibentangkan oleh Presiden (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) untuk nasib bangsa, agama dan tanah air. Pemuda akan turut memastikan kita bersama-sama merealisasikannya demi nasib UMNO," tegasnya sambil disambut dengan sorakan oleh perwakilan.